

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ]**

**TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan Perkembangan Program Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) dan Klinik 1M dari segi sambutan, kedudukan kewangan dan langkah membantu penurunan harga barangan utama dalam suasana kenaikan harga barang dan perkhidmatan sekarang.

## **JAWAPAN:**

Program Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) diwujudkan bertujuan untuk membantu rakyat khususnya yang berpendapatan rendah dan sederhana untuk mendapatkan barangan keperluan harian berjenama 1Malaysia Kedai Rakyat (1MKR) pada harga yang lebih murah berbanding harga barangan yang sama tetapi berjenama. Sehingga kini, sebanyak 162 buah KR1M telah beroperasi di seluruh negara. Pelaksanaan KR1M telah berjaya membantu mengurangkan perbelanjaan harian rakyat dan sambutan yang diterima oleh Kedai Rakyat 1Malaysia ini amat menggalakkan. Purata jualan sehari bagi setiap KR1M adalah sebanyak **RM4,368.85**. Prestasi jualan ini akan terus meningkat dengan pembukaan cawangan baru KR1M sebagaimana yang telah dirancang.

Untuk maklumat yang berhormat, sehingga kini operasi KR1M masih mencatatkan kerugian. Walau bagaimanapun dengan penambahan cawangan KR1M baru telah berjaya meningkatkan jualan dan seterusnya mengurangkan kadar kerugian kos operasi KR1M. Kementerian yakin KR1M akan mencatatkan keuntungan apabila mencapai jumlah jualan dan bilangan cawangan yang bersesuaian pada masa akan datang.

Penubuhan KR1M juga telah memberikan lebih pilihan kepada pengguna di negara ini untuk mendapatkan bekalan barangan pada harga yang berpatutan. Pengenalan produk 1MKR telah memberikan persaingan sihat kepada barangan jenama lain untuk menawarkan produk mereka pada kadar harga yang lebih kompetitif oleh kerana pengguna mempunyai pilihan yang lebih banyak dalam pasaran. Pelaksanaan program ini sedikit sebanyak telah membantu rakyat

berpendapatan rendah dan sederhana mendapat penjimatan dalam meneruskan kehidupan seharian mereka.

Mengenai Klinik 1Malaysia, adalah dimaklumkan bahawa perkara tersebut merupakan program di bawah bidang tugas Kementerian Kesihatan Malaysia.